



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 16 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 16 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,240 kes** (600,935 kes kumulatif, 89.3%);
- Kes baharu : **5,150 kes** (673,026 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (3 warganegara);
- Kes tempatan : **5,147 kes** [4,304 warganegara (83.6%); 843 bukan warganegara (16.4%)];
- Kes aktif : **67,949 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **924 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **453 kes**;
- Kes kematian : **73 kes** (4,142 kes kumulatif, 0.61%; 62 warganegara, 11 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,532 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **19 kluster**;

- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,744 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **788 kluster**.

Sebanyak **73 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **33 kes** di Selangor, masing-masing **enam (6) kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Negeri Sembilan, dan Sarawak, **empat (4) kes** di Wilayah Persekutuan Labuan, masing-masing **tiga (3) kes** di Sabah, Melaka, dan Johor, **dua (2) kes** di Pahang, serta **satu (1) kes** di Kelantan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.


### **STATUS TERKINI KADAR PENGGUNAAN KATIL DI UNIT RAWATAN RAPI (ICU)**

Pelan Pemulihan Negara yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Dato' Hj. Muhyiddin bin Hj. Mohd Yassin telah memasukkan beberapa indikator ambang utama termasuk kadar penggunaan katil di Wad ICU.


KKM ingin memaklumkan bahawa tren kemasukan kes-kes COVID-19 ke Unit Rawatan Rapi (ICU) telah menunjukkan

peningkatan bermula sejak dari Minggu Epidemiologi (ME) ke-17 (25 April 2021 hingga 1 Mei 2021) hingga ME ke-21 (23 Mei 2021 hingga 29 Mei 2021). Tren yang sama dilihat berterusan terutama bagi tempoh dua (2) minggu seterusnya sehingga ME ke-23 (6 Jun 2021 hingga 12 Jun 2021) di mana jumlah penggunaan katil ICU telah melebihi 100 peratus.

Graf 1: Jumlah kes berkaitan COVID-19 Yang Dimasukkan Ke ICU Bagi Tahun 2021



Graf 2: Jumlah Katil ICU Bagi Kes Berkaitan COVID-19 Dan Kadar Penggunaan Katil Bagi Tahun 2021



Walaupun terdapat penurunan kes baharu harian bagi tempoh dua (2) minggu *lockdown* iaitu mulai 1 Jun 2021, **kes-kes COVID-19 di ICU masih tidak menunjukkan penurunan yang ketara**. Hal ini berikutan kemunculan varian-varian baharu yang mengakibatkan kes-kes dikesan dengan gejala serius (kategori 4 dan 5) dan merosot pada kadar yang lebih cepat. Keadaan ini menyebabkan lebih ramai pesakit memerlukan bantuan oksigen dan alat pernafasan khususnya di kalangan golongan rentan seperti warga emas serta pesakit yang menghidap lain-lain penyakit (*co-morbidity*). Penggunaan kapasiti ICU yang melebihi

100 peratus ini amat membimbangkan di mana tidak semua pesakit yang memerlukan rawatan kritikal dapat ditempatkan di ICU.

Selain itu, penggunaan katil yang melebihi kapasiti ini juga disebabkan oleh keperluan tempoh pemulihan yang lama bagi pesakit-pesakit ICU untuk sembuh disebabkan komplikasi jangkitan COVID-19 yang serius. Secara purata, tempoh rawatan di ICU bagi kategori 4 adalah di antara 14 hari ke 16 hari, manakala bagi pesakit kategori 5 pula, tempoh rawatan di ICU adalah di antara 19 hari ke 26 hari.

KKM sentiasa bersiapsiaga dengan situasi ini dan antara langkah-langkah yang telah diambil adalah:

1. Menambah kapasiti katil-katil bagi menempatkan pesakit COVID-19 iaitu sebanyak 11,598 katil di hospital dan 31,861 katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC) Awam khusus dalam merawat pesakit COVID-19;
2. Menaik taraf kegunaan katil (*repurpose bed*) di wad biasa kepada katil rawatan pesakit kritikal COVID-19;
3. Bekerjasama dengan hospital pengajar Kementerian Pengajian Tinggi antaranya Pusat Perubatan di Universiti

Malaya, Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM, Universiti Teknologi MARA, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia, dan terkini Hospital Kanak-kanak Universiti Kebangsaan Malaysia) untuk menggunakan fasiliti mereka bagi merawat pesakit COVID-19;

4. Bekerjasama dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam penubuhan Hospital Medan. Setakat ini enam (6) buah Hospital Medan ATM telah dibina di hospital-hospital KKM.
5. Bekerjasama dengan 112 buah hospital swasta khususnya di Lembah Klang bagi rawatan pesakit COVID-19 yang melibatkan sejumlah 1,274 katil wad biasa dan 128 katil ICU.

Bagi memastikan usaha-usaha yang telah dijalankan dalam melawan penularan COVID-19 ini tidak sia-sia, KKM memohon kerjasama masyarakat untuk kekal mematuhi norma baharu dan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan bagi mengawal penularan jangkitan COVID-19. Terus kekal mengurangkan aktiviti pergerakan di luar rumah kerana dibimbangi mungkin terkena jangkitan daripada varian baharu COVID-19 yang lebih mudah merebak dan mengakibatkan penyakit yang teruk. Daftarkan diri anda dan ahli keluarga bagi mendapatkan vaksin

COVID-19 serta hadirilah ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV) berdasarkan tarikh temu janji yang diberikan.

Bersama-sama kita berganding bahu dalam memerangi penularan COVID-19 agar kita dapat menuju ke arah pemulihan negara daripada jangkitan COVID-19.

### **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

**Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).

**Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

16 Jun 2021 @ 6:30 petang.



**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 16 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	1,914	220,391
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	480 (3)	68,849
<b>SABAH</b>	184	66,730
<b>JOHOR</b>	392	65,827
<b>SARAWAK</b>	570	57,475
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	607	35,108
<b>KELANTAN</b>	230	32,742
<b>PULAU PINANG</b>	99	32,547
<b>PERAK</b>	66	23,916
<b>KEDAH</b>	228	22,550
<b>MELAKA</b>	152	15,276
<b>PAHANG</b>	57	11,764
<b>TERENGGANU</b>	56	10,752
<b>WP LABUAN</b>	101	6,394
<b>WP PUTRAJAYA</b>	6	2,137
<b>PERLIS</b>	8	568
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5,150 (3)</b>	<b>673,026</b>

\*( ) adalah merujuk kepada kes-kes import

## LAMPIRAN 2

Ringkasan 73 kes kematian pada 16 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
4070	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Serdang	-
4071	Selangor	Perempuan (WN)	66	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4072	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan buah pinggang kronik
4073	Selangor	Perempuan (WN)	68	Hospital Kajang	Darah tinggi dan tiroid
4074	Selangor	Lelaki (WN)	52	Hospital Selayang	-
4075	Sarawak	Lelaki (WN)	51	Hospital Umum Sarawak, Kuching	-
4076	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
4077	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	49	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan asma
4078	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
4079	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Kajang	Kencing manis dan dislipidemia
4080	Kedah	Lelaki (WN)	60	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis
4081	Melaka	Perempuan (WN)	65	Hospital Melaka	Kencing manis dan darah tinggi
4082	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Selayang	-
4083	Melaka	Lelaki (WN)	61	Hospital Melaka	Darah tinggi
4084	Selangor	Perempuan (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
4085	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis dan darah tinggi
4086	Selangor	Perempuan (WN)	47	Hospital Sungai Buloh	Obesiti
4087	Kelantan	Perempuan (WN)	57	Hospital Sultan Ismail Petra, Kuala Krai	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan buah pinggang kronik

4088	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Serdang	Kencing manis
4089	Selangor	Perempuan (WN)	59	Hospital Serdang	Kencing manis
4090	Selangor	Perempuan (WN)	84	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
4091	WP Labuan	Perempuan (WN)	92	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	Darah tinggi dan dislipidemia
4092	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	51	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi
4093	Johor	Perempuan (WN)	61	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis, darah tinggi, dan hati
4094	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4095	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
4096	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	97	Hospital Rehabilitasi Cheras	-
4097	Johor	Perempuan (WN)	90	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi dan dislipidemia
4098	Sarawak	Lelaki (WN)	74	Hospital Umum Sarawak, Kuching	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
4099	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
4100	Selangor	Perempuan (WN)	57	Hospital Selayang	Asma
4101	Selangor	Lelaki (WN)	34	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4102	Selangor	Lelaki (WN)	80	Hospital Serdang	-
4103	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Serdang	-
4104	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	70	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis dan darah tinggi
4105	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	65	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4106	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	20	Hospital Tampin	Obesiti
4107	Selangor	Perempuan (WN)	70	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

4108	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	60	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4109	Sabah	Lelaki (WN)	66	Hospital Tawau	Darah tinggi dan dislipidemia
4110	Kedah	Perempuan (WN)	75	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
4111	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Serdang	Kencing manis
4112	Sarawak	Lelaki (WN)	68	Jenazah dibawa ke Hospital Umum Sarawak, Kuching	Kencing manis
4113	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	94	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Salur darah
4114	Melaka	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Jasin	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
4115	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis
4116	Sarawak	Lelaki (WN)	76	Jenazah dibawa ke Hospital Bau	Tuberkulosis
4117	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Mukah	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
4118	Sarawak	Lelaki (WN)	46	Jenazah dibawa ke Hospital Umum Sarawak, Kuching	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
4119	Pahang	Perempuan (WN)	70	Hospital Jempol	Kencing manis dan darah tinggi
4120	Selangor	Lelaki (WN)	46	Hospital Ampang	Obesiti
4121	Selangor	Lelaki (WN)	64	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis dan buah pinggang kronik
4122	Selangor	Perempuan (WN)	56	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4123	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	83	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
4124	Johor	Perempuan (WN)	92	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi dan strok
4125	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	74	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, dislipidemia, dan tiroid
4126	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	58	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Dislipidemia dan jantung
4127	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	54	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti

4128	Kedah	Perempuan (WN)	53	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang kronik
4129	Kedah	Lelaki (WN)	67	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis
4130	Kedah	Lelaki (WN)	70	Hospital Sik	-
4131	Pahang	Lelaki (WN)	83	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
4132	Selangor	Perempuan (BWN)	55	Hospital Ampang	Darah tinggi
4133	Selangor	Lelaki (BWN)	56	Hospital Kajang	-
4134	WP Labuan	Lelaki (BWN)	69	Hospital Labuan	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
4135	Sabah	Perempuan (BWN)	55	Hospital Tawau	Kencing manis dan jantung
4136	WP Labuan	Lelaki (BWN)	49	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-
4137	WP Labuan	Perempuan (BWN)	38	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-
4138	Selangor	Perempuan (BWN)	47	Jenazah dibawa ke Hospital Serdang	Kencing manis dan darah tinggi
4139	Sabah	Perempuan (BWN)	75	Hospital Tawau	-
4140	Selangor	Perempuan (BWN)	51	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis
4141	Selangor	Perempuan (BWN)	47	Hospital Serdang	-
4142	Kedah	Lelaki (BWN)	48	Hospital Baling	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

### LAMPIRAN 3

Perincian 5,150 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 16 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,914	268	1,040	-	606
NEGERI SEMBILAN	607	79	327	-	201
SARAWAK	570	36	446	-	88
WP KUALA LUMPUR	480	35	242	3	200
JOHOR	392	109	204	-	79
KELANTAN	230	15	171	-	44
KEDAH	228	62	98	-	68
SABAH	184	50	106	-	28
MELAKA	152	49	81	-	22
WP LABUAN	101	15	41	-	45
PULAU PINANG	99	35	42	-	22
PERAK	66	33	17	-	16
PAHANG	57	16	28	-	13
TERENGGANU	56	5	41	-	10
PERLIS	8	-	8	-	-
WP PUTRAJAYA	6	-	6	-	-
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>5,150</b>	<b>807</b>	<b>2,898</b>	<b>3</b>	<b>1,442</b>

\* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

**LAMPIRAN 4****KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA  
PADA 16 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Tapak Bina Jalan Gamuda Satu	Tempat Kerja	Selangor	Gombak	20	118
2	Industri Serendah Indah	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Selangor dan Gombak	56	100
3	Industri Jalan SS 13	Tempat Kerja	Selangor	Petaling, Gombak, Hulu Langat, Klang, dan Kuala Langat	148	1,427
4	Industri Cheras Jalan Tiga	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	33	262
5	Jalan Tanjung Kidurong Tiga	Tempat Kerja	Sarawak	Bintulu	33	102
6	Jalan Wawasan Empat	Tempat Kerja	Johor	Batu Pahat	10	16
7	Jalan Song Ban Kheng	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah	6	28
8	Jalan Tun Fatimah	Tempat Kerja	Melaka	Melaka Tengah	31	465
9	Solok Perusahaan Satu	Tempat Kerja	Pulau Pinang dan Kedah	Seberang Perai Tengah dan Kulim	7	52
10	Jalan Intan	Tempat Kerja	Perak	Hulu Perak dan Kinta	20	53
11	Gran Stumbin	Komuniti	Sarawak	Sri Aman	82	620
12	Jalan Bintulu - Tatau	Komuniti	Sarawak	Bintulu	24	151
13	Kionsom Kecil	Komuniti	Sabah	Kota Kinabalu	40	86
14	Lorong Tembun	Komuniti	Negeri Sembilan	Jelevu	22	25
15	Sri Purnama	Komuniti	Kelantan	Pasir Puteh	17	29
16	Jalan Lima Ampang Utama	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Hulu Langat	15	22
17	Jalan Dayang	Kumpulan Berisiko Tinggi	Selangor	Hulu Langat	8	18
18	Jalan Hujan Bubuk	Kumpulan Berisiko Tinggi	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	12	34
19	Jalan Mentahak	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Johor Bahru	6	45